

KONSEP KOMUNIKASI DAKWAH BUKAN LISAN (NON-VERBAL) BADIUZZAMAN SAID NURSI BERDASARKAN KITAB RASAIL AN-NUR

***The Concept Of Non-Verbal Dakwah Communication (Non-Verbal)
 Badiuzzaman Said Nursi Based On Kitab Rasail An-Nur***

Muaz Hj Mohd Noorⁱ, S. Salahudin Hj Suyurnoⁱⁱ & Faridah Mohd Sairiⁱⁱⁱ

ⁱCalon PhD, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, Melaka.
 Emel: muaz3108@uitm.edu.my

ⁱⁱProfesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, Melaka.
 Emel: ssalahud@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, Kampus UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil.
 Emel: assaha78@gmail.com

Abstrak	Abstract
<p>Komunikasi dakwah efektif sangat diperlukan dalam memelihara kemaslahatan masyarakat supaya sentiasa berada dalam keamanan, kedamaian dan harmoni. Niaz Muhammad dan Fazole Omer menyatakan bahawa prinsip-prinsip komunikasi dakwah yang efektif perlu meliputi semua aspek komunikasi verbal dan komunikasi non-verbal. Sementara S. Salahudin Suyurno menyatakan dakwah yang efektif hari ini perlulah berdasarkan manhaj rabbaniyyah, sebagaimana yang ditekankan oleh Allah SWT di dalam surah an-Nahl, ayat 125. Kedua-dua hal ini tercakup dalam metode komunikasi Said Nursi ketika berdakwah sehingga tersebar ke seluruh Turki khususnya. Maka kajian ini memfokuskan kajian berkenaan bentuk-bentuk komunikasi Badiuzzaman Said Nursi khususnya komunikasi bukan lisan (non-verbal) semasa menyebarkan dan menyampaikan dakwah, yang diadaptasi menerusi karya agungnya, Rasail an-Nur. Metodologi kajian ini adalah</p>	<p>Effective da'wah communication is very necessary in maintaining the well-being of the community so that it is always in a state of peace, tranquility and harmony. Niaz Muhammad and Fazole Omer state that the principles of effective da'wah communication should cover all aspects of verbal communication and non-verbal communication. Meanwhile, S. Salahudin Suyurno stated that effective da'wah today must be based on manhaj rabbaniyyah, as emphasized by Allah SWT in surah an-Nahl, verse 125. Both of these things are included in Said Nursi's method of communication when preaching, until it is spread throughout Turkey in particular. Thus, this study focuses on the study of the form of communication Badiuzzaman Said Nursi especially non-verbal communication (non-verbal) while disseminating and delivering the message adapted through his masterpiece that is Rasail an-Nur. The methodology of this study is based on the reference of his own book, the</p>

<p>berdasarkan rujukan terhadap kitab beliau sendiri iaitu kitab <i>Rasail an-Nur</i>, serta penulisan daripada sarjana-sarjana tentang komunikasi dakwah beliau. Hasil kajian mendapati pengalaman berdakwah Badiuzzaman Said Nursi dalam pelbagai peringkat hidup beliau seperti dalam politik, pendidikan, peperangan mengangkat senjata dan sebagainya, menyebabkan beliau sarat dengan pengalaman berdakwah dengan kepelbagaiannya bentuk komunikasi khususnya dalam bentuk bukan lisan (non-verbal), seterusnya beliau diangkat sebagai tokoh dakwah dan islah kontemporari, sehingga digelar ‘badiuzzaman’ iaitu keunggulan zaman.</p> <p>Kata Kunci: Komunikasi Dakwah, Dakwah Efektif, Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur</p>	<p><i>book of Rasail an-Nur as well as the writings of scholars on the communication of his da'wah. The results of the study found that Badiuzzaman Said Nursi's preaching experience in various stages of his life such as in politics, education, war and so on caused him to be loaded with preaching experience with various forms of communication, especially in non-verbal forms. (not verbal), then appointed as a figure of contemporary da'wah and reform, until he was called 'badiuzzaman' which is the excellence of the times.</i></p> <p>Keywords: Dakwah Communication, Effective Dakwah, Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur</p>
--	--

PENDAHULUAN

Mutakhir ini, kajian akademik berkenaan Badiuzzaman Said Nursi semakin mendapat tempat di Malaysia, khususnya dari kalangan ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGO), selain penutut-penuntut Rasail an-Nur. Kitab ini dilihat semakin berharga apabila ia dikarang sendiri oleh beliau dalam kondisi yang kritikal seperti ketika dipenjarakan, dipulaikan dan dibuang negeri (Wan Rashidah Hanim, 2015).

Abdul Karim Zaidan (1980) menyatakan metode dakwah Badiuzzaman Said Nursi melalui kitab beliau *Rasail an-Nur* adalah suatu persepsi yang bertepatan dengan suasana ketika ini. Gaya dan teknik komunikasi beliau yang meliputi komunikasi lisan dan bukan lisan dirakam sebahagiannya di dalam *Rasail an-Nur*, sementara yang lain banyak diceritakan oleh sarjana-sarjana lain melalui penceritaan anak murid beliau.

Menurut Burhanuddin Jalal (2018), antara kelemahan yang ketara dalam menyampaikan dakwah pada hari ini ialah kaedah, pendekatan atau bentuk komunikasi yang digunakan oleh seseorang pendakwah atau da'i tidak sesuai, tidak memberi kesan bahkan dilihat boleh mencetuskan perbalahan. Para komunikator Islam ini dilihat masih gagal menguasai ‘peta dakwah’ kawasan setempat secara mendalam, sehingga matlamat sesuatu dakwah tidak tercapai. Mereka sekadar ingin melepaskan tanggungjawab pengajaran tersebut tanpa memikirkan objektif (termasuk metode komunikasi) dan hasil pembelajaran (kesan dakwah).

Selain itu, antara cabaran utama dakwah sejak daripada dahulu sehingga sekarang mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah pendekatan, termasuk pendekatan dalam memilih tema atau elemen komunikasi yang tepat. Penguasaan masyarakat atau komunikator Islam hari ini tentang pendekatan dakwah yang betul secara umumnya masih lagi di peringkat minima (Abdul Ghafar Don, 2012). Akibatnya nilai dan martabat seseorang komunikator Islam seperti da'i, ustaz atau ilmuan agama akhirnya merudum di mata masyarakat.

Komunikasi yang efektif bukan hanya berkenaan cara berbicara (lisan), tetapi juga etika berbicara (bukan lisan). Dakwah yang berkesan memerlukan instrumen dan medium yang tepat (Jalaluddin Rakhmat, 2008). Komunikasi dakwah pada masa kini tidak lagi terhad kepada faktor lisan semata-mata bahkan perlu mengambilkira faktor bukan lisan, termasuk bahan dakwah, suasana, dana, golongan Sasaran, kemahiran berbahasa dan sebagainya. Kesemua elemen komunikasi ini perlu digerakkan secara seiringan bagi memastikan matlamat atau objektif sesuatu komunikasi dakwah itu benar-benar tercapai (Khairul Azhar Meerangani, 2019).

Berdasarkan masalah ini, pengkaji merasakan amat wajar para pendakwah atau komunikator Islam hari ini ditingkatkan kemampuan dan peranan mereka dalam masyarakat dengan kemahiran yang pelbagai atau multi-skill termasuk menguasai ilmu-ilmu komunikasi, khususnya komunikasi bukan lisan (non-verbal). Dengan erti kata lain kebolehan atau kemahiran pendakwah dalam pelbagai bidang merupakan satu bentuk transformasi setelah melalui proses dalam sejarah dan sosio-masyarakat sekeliling serta pelaksanaannya, agar akhirnya usaha dakwah tadi memberikan kesan yang optimum kepada masyarakat seluruhnya (Burhanuddin Jalal et al., 2018).

Justeru itu, skop kajian ini cuba meneliti bentuk dakwah Badiuzzaman Said Nursi dalam menyebar dan menyampaikan risalah Tauhid (Islam) menerusi komunikasi dakwah bil-kitabah yang berkesan, yang diadaptasi menerusi karya agungnya, Rasail an-Nur. Antara kitab utama (judul kitab) di dalam Rasā'il an-Nūr adalah seperti kitab al-Maktūbāt, al-Lama'āt, al-Kalimāt dan kitab asy-Syu'a'āt.

KAJIAN LITERATUR

Antara kajian yang membincangkan berkenaan Said Nursi dan dakwah ialah sebuah kajian tulisan Ichwansyah Tampubolon (2018) yang bertajuk "Pemikiran Dan Aktivisme Dakwah Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960)". Kajian ini telah membincangkan riwayat hidup Badiuzzaman Said Nursi, dari fasa pertama hingga fasa ketiga kehidupannya, seterusnya mengupas secara ringkas metode dan strategi dakwah Badiuzzaman Said Nursi khususnya di Turki.

Begitu juga kajian terkini dari Edi Amin (2018) yang bertajuk "Pemikiran Dakwah Badiuzzaman Said Nursi", yang telah mengkaji berkenaan konsep dakwah Said Nursi bagi berhadapan dengan fahaman-fahaman songsang seperti sektarianisme, fanatisme, materialisme dan lain-lain. Kajian ini telah menyenaraikan beberapa bentuk pemikiran dakwah Said Nursi iaitu kepentingan membina gerakan dakwah (Nur Movement), penekanan terhadap konsep murasalah (surat-menjurut) sebagai bentuk penyampaian dakwah, menggagaskan uslub ustadhiyyah al-Qur'an sebagai dasar perubahan (al-Quran sebagai guru atau ustaz utama) dan lain-lain.

Sementara itu kajian dari Wan Rashidah Hanim (2015) dengan tajuk kajiannya "Sketsa Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi Dalam Metode Da'wah Bi Al-Kitabah: Analisis Kitab Risalah Al-Nur", telah menyentuh berkenaan metode dakwah bi al-kitabah (penulisan) yang diaplikasi oleh Badiuzzaman Said Nursi menerusi kitab Rasail an-Nur. Justifikasi penulisan ini menurut beliau ialah kerana kitab Rasail an-Nur ini telah memberi impak yang sangat besar ke seluruh dunia apabila kitab ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing dan kesinambungan dakwah oleh para pelajar beliau tersebar hampir ke seluruh dunia termasuk Malaysia. Beliau telah mengupas metode, struktur, ciri-ciri dan disiplin penulisan dalam menghasilkan kitab ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dalam proses pengumpulan data. Data akan dianalisis bagi memahami teori dan praktis komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi di Turki melalui kitabnya Rasail an-Nur. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sumber data primer dan data sekunder dalam proses mengumpulkan data. Data primer diperoleh melalui metode dokumentasi, sementara data sumber sekunder pula diperolehi melalui metode analisis kandungan daripada laporan penyelidikan komunikasi dakwah, resolusi dari seminar atau wacana dakwah dan komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi, dokumen-dokumen dari badan dan organisasi dakwah dan lain-lain.

Beberapa kajian didapati mempunyai persamaan dari sudut sifat dan tumpuan kajian mengenai abstrak. Artikel ulasan akan dibuat berdasarkan penilaian terperinci dalam kata kunci mengenai komunikasi dan dakwah, praktiknya di Turki abad ke-19 Masihi, serta hubungannya dengan perjanalan dakwah di Malaysia. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan dalam membangunkan model atau metode komunikasi dakwah yang berkesan khususnya di Malaysia.

BENTUK KOMUNIKASI DALAM RASAIL AN-NUR

Secara umum jenis metode dakwah Badiuzzaman Said Nursi adalah berlandaskan metode dakwah bil-hikmah, metode dakwah bil-hasannah, atau metode dakwah al-mujadalah al-husna, yang ketiga-tiga ini asasnya diadaptasi dari surah al-Nahl, ayat yang ke-125. Namun dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan elemen komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi kepada dua bahagian, iaitu komunikasi lisan (verbal) dan komunikasi bukan lisan (non-verbal), berdasarkan lembaran kitab Rasail an-Nur (koleksi perhimpunan pengkajian-pengkajian Said Nursi serta riwayat keperibadian Said Nursi yang ditulis oleh anak murid beliau).

Di dalam kitab Rasail an-Nur, terdapat lebih dari 130 tajuk seperti al-Kalimat, al-Maktubat, al-Luma'at, al-Shu'a'at, Isyarat al-I'jaz fi Mazan al-Ijaz dan lain-lain dihasilkan oleh Badiuzzaman Said Nursi dengan tujuan utamanya untuk menyelamatkan iman masyarakat ketika itu dengan cara menjelaskan intipati dan hakikat al-Quran. Selain pengisiannya yang padat dengan tema komunikasi berbentuk horizontal dan vertikal, penghasilan risalah-risalah ini juga bertujuan membela murid Said Nursi (*Tullāb al-Nūr*) yang berdepan pelbagai dakwaan di mahkamah, terutamanya hujah-hujah berkenaan perkara rumit yang menyentuh ketauhidan kepada Allah SWT, hari akhirat dan lain-lain lagi (Faridah Mohd Sairi, 2015).

KOMUNIKASI BUKAN LISAN BADIUZZAMAN SAID NURSI

Banyak bentuk komunikasi dakwah said nursi, antaranya adalah melalui penulisan-penulisan. Contohnya ketika penjajahan Inggeris ke atas Istanbul akibat kekalahan Turki dalam Perang Dunia Pertama, Said Nursi tidak bertindak melawan dakyah penjajah Ketika itu melalui metode penulisan iaitu dengan menulis risalah Khutuwwat al-Sitt. Risalah yang diterbitkan dan diedarkan secara rahsia oleh Said Nursi ini bertujuan untuk mengutuk pihak Inggeris dan menyeru rakyat untuk berjihad menentang Inggeris. (Wan Rasyidah Hanim, 2015)

Walaupun Said Nursi mempunyai pilihan untuk menzahirkan dakwah beliau melalui pengucapan awam, berceramah di pentas-pentas mimbar secara terbuka dan lain-lain, namun Said Nursi memilih secara penulisan melalui risalah-risalah pendek adalah strategi bagi memastikan kesannya lebih menyeluruh apabila penulisan beliau dapat disebarluaskan lebih luas sebelum tindakan beliau dapat dihindu oleh pihak musuh. Beliau akhirnya ditangkap untuk dijatuhan namun dilepaskan gara-gara binbang terhadap tindak balas umat Islam ketika itu (Faridah Mohd Sairi, 2012).

Begitu juga Said Nursi bijak dalam mengambil kesempatan menulis di dalam akhbar-akhbar perdana seperti akhbar Tanin, Ikdam, Serbersti, Mizan dan Sark Ve Kurdistan Gezetesi apabila merasakan keperluan mengutarakan pandangan beliau tentang isu berkenaan politik tanah air terutamanya tentang perlembagaan berasaskan syariat Islam. Menurut Faridah Mohd Sairi (2012),

Said Nursi menulis di beberapa akhbar dan majalah sebagai satu cara untuk memelihara ketenteraman awam dengan mendamaikan beberapa pihak yang bertelagah ketika itu. Tidak ramai ulamak yang mengambil kesempatan menulis di dada-dada akhbar perdana sebagai sebahagian metode penyampaian dakwah sebagaimana Said Nursi.

Walaupun sering dipantau dengan ketat oleh rejim kerajaan Mustafa Kemal ketika itu, semangat berdakwah Said Nursi tidak pernah luntur sehingga tetap berdakwah baik secara lisan maupun secara bukan lisan, termasuk ketika dipenjara atau ketika dibuang daerah. Beliau abadikan sepanjang hidupnya dengan berdakwah sehingga beliau tidak sempat untuk berkahwin (Ibnor Azli Ibrahim, 2010).

Contoh komunikasi bil-kitabah Said Nursi yang ketiga ialah tatkala beliau menerima jemputan dari ahli politik untuk hadir ke satu persidangan di parlimen negara. Walaupun menyedari politikus bukanlah golongan yang boleh dipercayai (untuk membela Islam ketika itu), namun Said Nursi menganggap kehadirannya ke Parlimen adalah salah satu peluang untuk berdakwah. Namun di sana, suatu yang mengejutkan baliau ialah apabila mendapati ramai anggota parlimen muslim tidak menunaikan solat, atas alasan solat adalah urusan peribadi yang tidak berkaitan dengan soal pemerintahan (Mat Rofa Ismail, 2015).

Berdasarkan masalah ini, Said Nursi telah memikirkan kaedah atau cara yang paling terbaik dan berhikmah untuk ‘menegur’ anggota parlimen ini, yang rata-rata terdiri dari orang bangsawan dan berpengaruh. Beliau akhirnya telah menerbitkan satu kenyataan yang mengandungi 10 perkara yang penting yang ditujukan khas kepada seluruh ahli parlimen. Antara isi kandungannya ialah:

“Wahai ahli parlimen! Kebangkitan ini mungkin berterusan untuk tempoh waktu yang lama. Kemurahan ini mungkin berpanjangann sekiranya kita bersyukur kepada Allah. Andainya tidak, maka akan hilanglah kemurahan daripada-Nya. Dengan mendapat panduan daripada Allah, kalian berkewajipan untuk menyelamatkan al-Quran daripada pihak musuh. Di samping itu kalian mestilah menunaikan rukun-rukun Islam. Orang-orang Islam menginginkan pemimpin yang warak dan bertakwa (menunaikan solat) walaupun mereka sendiri tidak menunaikan solat...”

(Badiuzzaman Said Nursi, 1998)

Kesan daripada komunikasi efektif secara hikmah yang dipraktikkan Said Nursi ini, maka bilangan anggota parlimen yang menunaikan solat telah bertambah kepada enam puluh orang, malah bilik solat juga telah diperbesarkan. Bahkan menurut Ichwansyah Tampubolon (2015), walaupun Said Nursi ketika fasa lama (terlibat dengan politik) mempunyai ruang untuk berdakwah melalui saluran politik, namun Said Nursi tetap mempelbagaikan

metode dakwah antaranya melalui komunikasi non-verbal iaitu (menjawab) melalui penulisan karya-karyanya. Itulah kehebatan Said Nursi dalam memilih tema komunikasi yang efektif mengikut latar belakang mad'unya dan suasana ketika berdakwah.

Inilah antara beberapa contoh komunikasi efektif bil-kitabah (non-verbal) yang dipraktikkan oleh Badiuzzaman Said Nursi. Berbekalkan pengalaman-pengalaman yang cukup berharga ketika menulis karya-karya, dibantu pula pelajar atau anak murid yang dedikasi, menyebabkan isi kandungan Rasail an-Nur dilihat mempunyai kekuatan yang tersendiri, yang menghimpunkan pelbagai bentuk dan elemen komunikasi yang boleh memberi kesan terhadap masyarakat ketika itu agar diterima dengan baik atau sekurang-kurangnya tidak mengeruhkan perhubungan sesama masyarakat (Faridah Mohd Sairi, 2012).

KESIMPULAN

Secara umumnya perjuangan, pemikiran serta ketokohan beliau masih belum dikenali secara tuntas oleh masyarakat awam, tidak sebagaimana tokoh-tokoh besar lain seperti al-Imām al-Ghazālī, Syeikh Jamal al-Dīn al-Afghānī, Syeikh Muhammad 'Abduh dan lain-lain. Sedangkan menurut 'Abdul Wadud Celebi (1992) telah menyenaraikan pergerakan Said Nursi di Turki adalah antara tiga pergerakan yang penting dalam sejarah Islam, yang dilihat telah memainkan peranan yang penting dalam usaha memelihara keimanan umat Islam, selain pergerakan Imam Rabbānī Syeikh Ahmad Sirhindī di India dan pergerakan 'Abdul Hamīd Ibn Badis di Algeria.

Begitu juga buku tulisan Ab Aziz Mohd Zin (1997) yang menyenaraikan Said Nursi sebagai tokoh pertama yang berpengaruh abad ke-20 daripada 5 orang tokoh yang dipilih. Sementara kajian Zainudin Hashim & Riduan Mohamad Nor (2009) telah menyenaraikan Said Nursi sebagai tokoh gerakan Islam berpengaruh abad moden daripada sejumlah 62 tokoh seluruh dunia.

Justeru dengan kajian ini dapat mengetengahkan sumbangan dan jasa Badiuzzaman Said Nursi khusus dalam bidang komunikasi dakwah melalui karya mognum opusnya, *Rasā'il an-Nūr*, dalam aspek penstrukturkan komunikasi dakwah yang efektif untuk digarap seterusnya dihayati oleh masyarakat muslim di Malaysia khususnya.

Antara kelebihan dan keistimewaan Badiuzzaman Said Nursi ialah, beliau seorang tokoh yang pernah hidup di zaman aman dan zaman perang, zaman sebelum kejatuhan khalifah Turki Uthmaniah dan selepas kejatuhaninya, serta seorang pendakwah sepenuh masa yang hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Maka sudah pastilah beliau adalah tokoh yang tepat dan layak untuk dijadikan antara model da'i yang agung dan relevan dengan suasana masyarakat mutakhir ini, khususnya di Malaysia, dalam konteks komunikasi dakwah yang efektif.

RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin. (1997). Pengantar Dakwah Islamiah. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don, & Badlihsiham Mohd. Nasir. (2012). Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Al-Hikmah*, 4
- Badiuzzaman Said Nursi (1998), Sirah Zatiyyah, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Istanbul: Sozler Nesriyat AS.
- Burhanuddin Jalal, Ismail, A. S., & Ghani, S. A. (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Soroton. Tamu: *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1).
- Edi Amin. (2015). Konsep Komunitas dalam Pemikiran dan Dakwah Said Nursi. *Jurnal Komunikasi Islam*, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya, 5(1).
- Edi Amin. (2018). Pemikiran Dakwah Bediuzzaman Said Nursi. *Jurnal Kajian Dakwah Dan Kemasyarakatan*, 22(2).
- Faridah binti Mohd Sairi (2012), Metode Dakwah Bediuzzaman Said Nursi dan Pengaruhnya di Turki. (Tesis PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Faridah Mohd Sairi. (2015). Metode Dakwah Bediuzzaman Said Nursi Dalam Rasail Al-Nur. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization.
- Ibnor Azli Ibrahim (2010), Pengenalan Kepada Rasā'il an-Nūr, (Wacana Ilmiah, Jabatan Syariah, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).
- Ichwansyah Tampubolon. (2015). Dakwah Dan Modernisme Studi Terhadap Pemikiran Dan Aktivitas Dakwah Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960). *HIKMAH: Jurnal Ilmu Dakwah*, 2(1), 1–22.
- Ichwansyah Tampubolon. (2018). Pemikiran Dan Aktivisme Dakwah Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960). *Jurnal Pemberdayaan Masyarakat*, 5(1), 23.
- Jalaluddin Rakhmat (2008), Psikologi Komunikasi, Cet. III, Bandung: Mizan.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Cabaran Dakwah Terhadap Golongan Non Muslim Di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 2.
- Mat Rofa Ismail (2015), Kerdipan Bintang Melayu Di Langit Turki, Kuala Lumpur: Grup Buku Karangkraf.
- Wan Rashidah Hanim. (2015). Sketsa Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi Dalam Metode Da'Wah Bi Al-Kitabah: Analisis Kitab Risalah Al-Nur. Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century.
- Zaidan, Abdul Karim, (1980), Dasar-dasar Ilmu Dakwah 2, Terj. H.M. Asywadi Syukur Lc Jakarta: Penerbit Media Dakwah.
- Zainudin Hashim, & Riduan Mohamad Nor. (2009). Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden (1st ed.). Pustaka Perdana.

Zulkefli Aini, Don, A. G., Puteh, A., & Nor Sad, N. D. H. (2019). Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Bimbingan Fardu Ain Orang Asli Muslim Di Selangor. International Journal of Law, Government and Communication, 4(17).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.